

HIASI DIRI DENGAN SIFAT MAHMUDAH

KULIAH JEMPUTAN “FAZAKKIR” PUSAT UPSI

OLEH: USTAZ MOHD ZAINUDIN MOHAMED ZAINI (PU YEOP) 25 JUN 2020 (KHAMIS), 10.00 PAGI

Susunan semula oleh:

Nur Atiqah binti Md Jaman

Skim Pusat Islam UPSI

اللهم صلى على محمد وعلى آل محمد

Muslimin dan muslimat, mudah-mudahan kita dirahmati dan diampunkan oleh Allah SWT. Amin Ya Rabb. Tanpa sedar, kita sedang menempuh bulan Zulkaedah 1441H dan seterusnya bulan Zulhijjah 1441H iaitu kita bakal meraikan Hari Raya Aidiladha. Semoga kehidupan kita sentiasa dibimbing dan dibantu oleh Allah SWT agar kita menjadi hamba yang bertaqwa. Seperti kata-kata **Saidina Ali RA**, “Beruntunglah orang yang hari ini lebih baik dari semalam, rugilah orang yang sama keadaannya hari ini dengan semalam dan celakalah orang yang hari ini lebih teruk dari semalam.” Oleh itu, kita mestilah berusaha menjadi lebih baik setiap hari walaupun sebesar zarah kebaikan.

Tajuk kuliah Fazakkir anjuran Pusat Islam UPSI hari ini adalah **Hiasi Diri Dengan Sifat Mahmudah**. Terdapat 2 jenis perhiasan, iaitu perhiasan luaran dan dalaman. Dua elemen ini perlu diseimbangkan dalam kehidupan kita. Buya Hamka mengatakan bahawa kecantikan yang abadi adalah terletak pada ketinggian adab dan ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya. Pernyataan ini menunjukkan bahawa akhlak dan ilmu memainkan peranan penting dalam peribadi seorang mukmin. Firman Allah SWT dalam **surah At-Tin ayat 4 hingga 6**,

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٥﴾

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٦﴾

Maksudnya: Sesungguhnya, Kami telah menciptakan manusia dalam (bentuk) ciptaan yang paling baik [4]

Lalu Kami mengembalikannya menjadi ciptaan yang paling rendah [5]

Kecuali orang-orang yang beriman dan berbuat kebaikan; mereka akan mendapat ganjaran yang tak ada putus-putusnya [6]

Allah SWT mengangkat darjat manusia sebaik-baik kejadian makhluk. Namun, martabat manusia juga boleh jatuh paling rendah jika tidak beriman dan membuat kebaikan. Kebaikan yang dimaksudkan ini adalah sifat-sifat mahmudah yang perlu dipraktikkan oleh setiap umat Islam.

Imam Al-Ghazali telah menggariskan 10 sifat mahmudah, **yang pertama adalah taubat**. Taubat bermaksud memohon keampunan kepada Allah SWT dan berazam untuk tidak mengulangi dosa yang telah dilakukan. Setiap hari manusia melakukan kesilapan, jika dosa besar dapat dihindari tetapi dosa kecil sentiasa berlaku tanpa disedari. Hal ini terjadi kerana sifat manusia itu sendiri yang tidak sunyi dari melakukan kesilapan. **Rasulullah SAW bersabda:**

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ كُلُّ ابْنِ آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

Maksudnya: Dari Anas Nabi ﷺ bersabda, "Semua anak cucu Adam banyak melakukan kesalahan. sebaik-baik orang yang bersalah adalah mereka yang bertaubat." [Riwayat Tirmizi:2423]

Namun begitu, umat Islam tidak boleh menjadikan ia satu alasan untuk mengulangi dosa. Hal ini kerana, **Rasulullah SAW** mengingatkan bahawa:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ لَا يُلْدَعُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah radhiallahu'anhu dari Nabi ﷺ bahawa beliau bersabda, "Orang mukmin tidak akan disengat dua kali pada lubang yang sama." [Riwayat Al-Bukhari: 5668]

Oleh itu, kita mesti sentiasa beristighfar setiap kali melakukan dosa. Ayat istighfar yang boleh kita lazimi dalam kehidupan seharian adalah:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ

Maksudnya: Aku memohon ampun kepada Allah SWT Yang tidak ada Tuhan (Yang berhak disembah) selain Dia Yang Maha Hidup lagi Maha berdiri sendiri, dan aku bertaubat kepada-Nya"

Sifat mahmudah **yang kedua adalah 'Al-Khauf'** yang bermaksud takut kepada Allah SWT. Istilah yang sinonim dengan Al-Khauf adalah **taqwa**. **Saidina Ali RA berkata:** "Taqwa itu adalah merasa takut kepada Allah, beramal dengan apa yang diwahyukan Al-Quran, merasa cukup dengan apa yang ada dan bersedia menuju hari kematian." Pepatah selalu menyebutkan, manusia akan lari apabila takut pada makhluk, namun apabila takut kepada Allah SWT, manusia berlari kepada-Nya. Firman Allah SWT dalam **surah An-Nahl ayat 50**,

يَخَافُونَ رَبَّهُمْ مِنْ فَوْقِهِمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya: Mereka takut kepada Allah SWT mereka yang di atas dan melaksanakan apa yang diperintahkan kepada mereka.

Hal ini menunjukkan bahawa semakin kita takut kepada Allah SWT, semakin kita mahu mendekatkan diri kepada-Nya. Selain itu, erti takut kepada Allah SWT juga dimaksudkan melaksanakan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.

Sifat mahmudah yang ketiga adalah 'Mahabbah' yang bermaksud mengasihi Allah SWT dan Rasulullah SAW melebihi segalanya. Dan seterusnya melahirkan rasa cinta pada agama dan mahu berjuang mempertahankan Islam. Cinta pertama yang perlu kita zahirkan adalah cinta kepada Allah SWT. Hal ini kerana Allah SWT adalah Maha Pencipta, yang menciptakan alam semesta dan segala isinya. Firman Allah SWT dalam surah **Al-Baqarah ayat 117**:

بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾

Maksudnya: Allah Pencipta langit dan bumi, dan bila Dia berkehendak (untuk menciptakan) sesuatu, Maka (cukuplah) Dia hanya mengatakan kepadanya: "Jadilah!" lalu jadilah ia.

Allah SWT telah menciptakan manusia, dan kita sebagai hamba-Nya mestilah meletakkan cinta kepada Allah SWT adalah yang utama dalam hidup kita. Kemudian, cinta kedua yang perlu kita zahirkan adalah cinta kepada Rasulullah SAW. Firman Allah SWT dalam **surah Al-Ahzab ayat 21**:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah SAW itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah SWT dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Rasulullah SAW adalah sebaik-baik teladan yang harus diikuti. Syafaat baginda SAW hanya buat umat yang mencintai baginda Rasulullah SAW dan para sahabat. Oleh itu kita mestilah sentiasa berselawat dan mengikuti sunnah Rasulullah SAW. Seterusnya, cinta ketiga adalah cinta kepada makhluk (sesama manusia, haiwan, tumbuhan dan sebagainya). Umat Islam mestilah mencintai orang yang soleh dan mengikuti perbuatan orang yang dicintainya. Hal ini kerana, perbuatan tersebut dapat membuatkan kita dikumpulkan di syurga bersama mereka. Seperti **Sabda Rasulullah SAW [Riwayat Bukhari (6169) dan Muslim (2460)]**:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَيْفَ تَقُولُ فِي رَجُلٍ أَحَبَّ قَوْمًا وَلَمْ يَلْحَقْ بِهِمْ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (الْمَرْءُ مَعَ مَنْ أَحَبَّ)

Maksudnya: Dari Ibnu Mas'ud ia berkata: "Ada seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW lalu berkata: "Ya Rasulullah, bagaimanakah pendapat Rasul mengenai seorang yang mencintai sesuatu kaum, tetapi tidak pernah menemui kaum itu?" Rasulullah SAW bersabda: "Seorang itu berserta orang yang dicintainya."

Sifat mahmudah **yang keempat adalah zuhud**, yang bermaksud kehidupan insan mukmin yang mengekang jiwa dari segala bentuk kesenangan dunia yang berlebihan dan meninggalkan perkara yang tidak baik. **Rasulullah SAW** bersabda, *"Melakukan zuhud dalam kehidupan dunia bukanlah dengan mengharamkan yang halal dan bukan pula dengan memboroskan kekayaan. Zuhud terhadap kehidupan dunia itu ialah tidak menganggap apa yang ada pada dirimu lebih pasti daripada apa yang ada pada Allah. Dan hendaknya engkau bergembira memperoleh pahala musibah yang sedang menimpamu walaupun musibah itu akan tetap menimpamu."* [Riwayat Ahmad]

Sifat mahmudah **yang kelima adalah sabar**. Dari sudut istilah, sabar adalah menahan diri dari segala bentuk kesulitan dan kesedihan atau menahan diri dalam menghadapi sesuatu yang tidak disukai. Setiap Mukmin yang sempurna keimanannya akan sentiasa mendapat kebaikan dalam urusannya kerana dia sentiasa bersyukur. Manakala apabila ditimpa kesusahan dia bersabar dengan ujian tersebut. Allah SWT menjanjikan pahala dan kebaikan buat hamba-Nya yang sabar. Seperti Firman **Allah SWT dalam surah Al-Zumar ayat 10:**

قُلْ يٰۤاَعْبَادِ اللّٰهِ اٰمِنُوْا اَنْتُمْ وَاٰرَآئِكُمْ لِّلَّذِيْنَ اٰخَسْتُوْا فِيْ هٰذِهِ الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَّاَرْضُ اللّٰهِ وَّاسِعَةٌ اِنَّمَا يُوْفٰى الصّٰدِقُوْنَ اَجْرُهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad, akan firmanKu ini, kepada orang-orang yang berakal sempurna itu): "Wahai hamba-hambaKu yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu. (Ingatlah) orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di akhirat). dan (ingatlah) bumi Allah ini luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas). Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira".

Sifat mahmudah **yang keenam adalah syukur**. Dari Abu Hurairah RA, **Rasulullah SAW** bersabda,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَشْكُرُ اللَّهُ مَنْ لَا يَشْكُرُ النَّاسَ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah dari Nabi ﷺ, beliau bersabda, "Tidak dianggap bersyukur kepada Allah orang yang tidak bersyukur kepada manusia."[Riwayat Abu Daud (4811) dan Tirmidzi (1954)]

Perkara ini menunjukkan bahawa Allah tidak menerima syukur manusia sehingga dia berbuat ihsan dengan berterima kasih pada orang yang telah berbuat baik padanya.

Sifat mahmudah yang ketujuh adalah ikhlas kerana Allah SWT. Elemen ini sering kali susah untuk digambarkan sama ada manusia itu ikhlas ataupun sebaliknya. Ikhlas juga dikatakan tergolong dalam rahsia Allah. Maksudnya, hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui peringkat ikhlas setiap hamba-Nya.

Sifat mahmudah yang kelapan adalah tawakal, yang bermaksud meletakkan pergantungan hanya kepada Allah SWT setelah berazam dan diikuti dengan usaha. Seperti kisah Isra' Mikraj, Rasulullah SAW menambat Buraq ketika singgah di Masjid Al-Aqsa' sebelum masuk ke masjid. Mengikut Ulama', Rasulullah SAW mengajarkan konsep tawakal melalui peristiwa ini di mana kita mestilah berusaha, kemudian berikhtiar dan berserah pada Allah SWT.

Sifat mahmudah yang kesembilan adalah redha dengan Qada' dan Qadar. Firman Allah SWT dalam surah Al-Bayyinah ayat 7 dan 8:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾
جَزَاءُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا
أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ ﴿٨﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk [7]

Ganjaran mereka disisi Tuhan ialah syurga-syurga Adnin yang mengalir di bawahnya sungai-sungai mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah redha terhadap mereka dan mereka pula redha terhadapnya yang demikian itu ialah (ganjaran) bagi orang yang takut kepada Tuhannya [8]

Oleh itu, kita mestilah sentiasa membersihkan jiwa dan membetulkan niat dengan sentiasa redha dalam apa jua keadaan yang Allah SWT tentukan. Malah, kita janganlah terlalu risau tentang dunia, kerana itu adalah urusan Allah SWT.

Sifat mahmudah yang terakhir adalah sentiasa mengingati kematian. Sahabat pernah bertanya pada Rasulullah SAW,

فَأَيُّ الْمُؤْمِنِينَ أَكْثَرُ قَالُوا أَكْثَرُهُمْ لِلْمَوْتِ ذِكْرًا وَأَحْسَنُهُمْ لِمَا بَعْدَهُ اسْتِعْدَادًا أُولَٰئِكَ الْأَكْبَسُ

"Orang mukmin yang bagaimanakah yang paling bijak?" lalu Baginda SAW menjawab, "Orang yang paling banyak mengingati kematian, dan yang paling baik persiapannya setelah kematian, merekalah orang-orang yang bijak".

Oleh itu, kita mestilah sentiasa bermuhasabah diri dan memikirkan kehidupan selepas kematian serta melakukan amalan yang bermanfaat.

Semoga kita dapat beramal dengan 10 sifat-sifat mahmudah yang telah digariskan oleh Imam Al-Ghazali untuk menjadi mukmin yang mempunyai nilai peribadi yang tinggi. TAMAT.